



## **JENDELA pacu jadi negara berpendapatan tinggi**

Oleh Irwan Shafrizan Ismail - Jun 21, 2023 @ 4:39pm  
bhnews@bh.com.my

JENDELA dilancarkan pada September 2020 itu bermatlamat mewujudkan sambungan digital yang mantap dan mampu milik dengan liputan jalur lebar berkualiti serta menyediakan akses internet merentasi semua lapisan masyarakat di seluruh pelusuk negara.

Sasaran lain termasuk melebarkan akses jalur lebar gentian optik di sembilan juta premis, mengembangkan liputan 4G kepada 100 peratus kawasan berpenduduk dan meningkatkan kelajuan jalur lebar kepada 100 Mbps menjelang akhir 2025.

Inisiatif fasa satu bermula 2020 hingga 2022 sudah mencapai sasaran awal iaitu capaian ke 7.74 juta premis, liputan 4G mencapai 96.9 peratus kawasan berpenduduk dan kelajuan jalur lebar 116.03 Mbps.

Fasa satu juga menyaksikan penutupan 3G di seluruh negara selesai dilaksana pada 2022, membolehkan spektrum 3G digunakan semula untuk meningkatkan prestasi rangkaian 4G, memberi kualiti pengalaman yang lebih baik untuk semua pengguna dengan kapasiti, kelajuan data serta liputan jalur lebar dipertingkatkan.

Fasa dua bermula tahun ini hingga 2025 bakal memperluaskan penggunaan perkhidmatan rangkaian 5G di seluruh negara menerusi sambungan dengan kelajuan yang lebih tinggi dan dipercayai.

Untuk rekod, setakat 31 Disember 2022, rangkaian 5G tersedia meliputi 47.1 peratus kawasan berpenduduk dengan 3,906 tapak termasuk Cyberjaya, Putrajaya dan Kuala Lumpur serta beberapa bahagian di Johor, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, Perak, Perlis, Pahang, Sabah dan Sarawak.

Malah, setakat 31 Mei lalu, liputan rangkaian 5G mencapai 62.1 peratus kawasan berpenduduk membabitkan 5,020 tapak 5G.

Kementerian Komunikasi dan Digital turut memaklumkan pelaksanaan inisiatif fasa dua dijangka membabitkan kos sebanyak RM8 bilion termasuk dana daripada peserta industri.

Bagi mencapai sasaran jalinan yang kukuh, kerjasama antara pihak swasta dan awam adalah penting dalam memastikan bahawa janji Digital Malaysia mempunyai jangkauan yang besar daripada pusat bandar sehinggalah ke kawasan terpencil.

Dengan ini lebih ramai rakyat akan dapat menikmati pengalaman melayari internet dengan lebih baik, selain menghantar mesej, menggunakan media sosial, menstrim video serta menggunakan perkhidmatan dalam talian yang lain.

Bagi perniagaan, ia mempercepatkan lagi transformasi digital yang seterusnya menjadikan mereka lebih berdaya tahan dalam persekitaran yang sangat kompetitif.

Apabila sambungan internet menjadi semakin penting, teknologi baharu muncul untuk menghubungkan dunia dengan perkhidmatan yang lebih baik dan lebih pantas.

Justeru, inisiatif ini sangat penting dalam mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ke-12 dan dasar Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) dengan berkesan, sekali gus mengubah Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.